

BAB 9

Kesimpulan

1965 adalah tahun bersejarah bagi masyarakat Bumiputera kerana pada tahun itu diadakan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama di Malaysia. Hasil kongres ini, terbentuklah Majlis Amanah Rakyat atau MARA. MARA diberi kepercayaan untuk memajukan taraf hidup masyarakat Bumiputera terutama dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Kelahiran MARA ini membuka lembaran baru kepada sejarah masyarakat Bumiputera dalam mengejar kemajuan dan pembangunan, khususnya pendidikan.

Penjajah British telah membawa sistem pendidikannya ke Tanah Melayu. Dengan itu terdapat 3 aliran pendidikan di kalangan orang Melayu iaitu pendidikan agama, pendidikan sekular Melayu dan pendidikan sekular Barat. Pendidikan yang diterima oleh orang Melayu telah menyedarkan mereka akan kedudukan mereka di Tanah Air sendiri. Oleh itu, muncullah tokoh-tokoh yang berani mengemukakan rasa tidak puas hati mengenai kedudukan ekonomi orang Melayu yang jauh tertinggal di belakang. Kaum muda, golongan sederhana dan golongan radikal telah muncul memperjuangkan kedudukan orang Melayu di zaman penjajah. Mereka memperjuangkan kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu yang selama ini diabaikan oleh penjajah dan menyeru orang Melayu mengejar kemajuan supaya setaraf dengan kaum-kaum lain. Tokoh-tokoh seperti Syed Sheikh Al Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin, Mohd.Eunus Abdullah, Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad, Abdul Kadir Adabi, Ibrahim Yaakob

dan Dato' Onn Ja'afar tidak boleh dilupakan sebagai tokoh yang berani memperjuangkan kedudukan orang Melayu dalam aspek ekonomi, pendidikan, sosial dan politik di zaman penjajahan.

Penentangan orang Melayu terhadap penjajah British berlaku lagi apabila pentadbiran Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1946. Pada ketika ini, orang Melayu dari seluruh Tanah Melayu telah bersatu dan penyatuan ini telah membawa kepada tertubuhnya UMNO. Melalui UMNO, orang Melayu terus menentang pentadbiran Malayan Union dan akhirnya Malayan Union dibubarkan dan digantikan oleh Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

UMNO berjaya menyatukan orang Melayu atas kesedaran politik. Namun demikian, atas usaha Dato' Onn untuk memajukan ekonomi dan pendidikan orang Melayu, beliau telah meminta kerajaan British memberi bantuan kewangan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Akhirnya usaha Dato' Onn berjaya dengan tertubuhnya RIDA pada tahun 1951. Dengan tertubuhnya RIDA, Dato' Onn selaku Pengurusnya telah berusaha untuk memajukan masyarakat luar bandar khususnya, orang Melayu. RIDA adalah satu-satunya pertubuhan yang ada dan diizinkan secara perundangan untuk membantu masyarakat Melayu di zaman penjajah. RIDA diberi tanggungjawab yang amat berat untuk memajukan orang Melayu. Semua berkaitan dengan memajukan masyarakat luar bandar adalah tanggungjawab RIDA iaitu dari membina dewan orang ramai, jambatan, jalanraya sehingga kepada memberi pinjaman

perniagaan, memberi latihan kemahiran dan menyediakan peluang pendidikan kepada masyarakat luar bandar. Peruntukan yang diberikan kepada RIDA pula adalah terhad dan tidak melebihi RM10 juta setahun.

Oleh sebab itu RIDA tidak sepenuhnya berjaya membantu masyarakat luar bandar. Ini kerana orang Melayu ketika itu lebih memikirkan soal politik berbanding dengan soal ekonomi. Situasi pada ketika itu mendorong orang Melayu menuntut kemerdekaan daripada British daripada memajukan ekonomi bangsa sendiri. Akhirnya kejayaan politik diperolehi setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

RIDA yang diberi tanggungjawab untuk memajukan masyarakat luar bandar di zaman penjajah telah meneruskan usahanya di zaman merdeka. Bagaimanapun program yang disediakan tidak mengubah struktur kehidupan masyarakat Melayu. Orang Melayu masih berkecimpung dalam pekerjaan tradisional mereka seperti menganyam, membuat tikar, melukis batik, sebagai penoreh getah di kebun kecil dan nelayan. Ini bermakna RIDA tidak begitu berjaya mengubah mobiliti masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik. Bagaimanapun RIDA adalah peyumbang kepada kesedaran orang Melayu untuk mengubah nasib mereka.

Kegagalan RIDA telah mencetuskan idea pemimpin politik dan cendikiawan Melayu untuk lebih tegas lagi berusaha untuk memajukan masyarakat Melayu. Justeru itu pada tahun 1965, Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama telah diadakan untuk

membincangkan semula kedudukan sosio-ekonomi Bumiputera di negara sendiri. Hasil daripada kongres tersebut, RIDA telah diberi nafas baru, semangat baru dan jiwa baru untuk membangunkan masyarakat Bumiputera. Justeru itu terbentuklah MARA menggantikan RIDA.

Apabila terbentuknya MARA menggantikan RIDA, maka MARA diberi tanggungjawab untuk mamajukan masyarakat Bumiputera dalam dunia perniagaan, perindustrian dan pendidikan moden Dalam aspek pendidikan dan latihan,. MARA hendaklah mengadakan kursus latihan kemahiran, tujuannya untuk membolehkan belia-belia Bumiputera mengambil bahagian dalam sektor perdagangan dan perniagaan samada sebagai pekerja atau menjadi usahawan. Di samping itu, MARA diamanahkan juga untuk membesar Dakwah Dewan Latihan RIDA di Petaling Jaya dan di dewan itu hendaklah diadakan kursus-kursus profesional seperti kursus perniagaan, pengurusan perusahaan, akauntan dan kursus-kursus teknikal. MARA juga dicadangkan mengambil peranan dalam membanyakkan anak Bumiputera berkelulusan tinggi. Justeru itu, MARA diberi tanggungjawab untuk menaja pelajar Bumiputera belajar di institusi pengajian tinggi samada di dalam negeri atau di luar negeri. Bagaimanapun, penekanan pembiayaan ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sains, matematik dan kursus profesional diutamakan.

Apabila DEB diperkenalkan, tugas MARA menjadi semakin berat kerana DEB dilancarkan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Tugas MARA menjadi berat kerana tugasnya bukan setakat membantu masyarakat Bumiputera

tetapi juga mengimbangi kedudukan Bumiputera berbanding dengan bukan Bumiputera dalam semua aspek kehidupan. MARA berusaha sedaya upaya untuk membantu masyarakat Bumiputera mencapai kemajuan, khususnya dalam pendidikan moden. Pendidikan diberikan tekanan utama oleh MARA kerana pendidikan dianggap sebagai alat untuk memodenkan masyarakat.

MARA memberi latihan kemahiran kepada belia-belia Bumiputera sebagaimana diusulkan oleh Kongres. Selain itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, MARA telah membina pusat latihannya sendiri iaitu Institut Kemahiran MARA yang pertama di Kuala Lumpur pada tahun 1968 untuk memberi latihan kemahiran dalam pelbagai peringkat untuk sektor perindustrian dan perdagangan. Sehingga 1990, sebanyak 10 buah IKM telah ditubuhkan dan terdapat di seluruh Malaysia. Melalui sistem IKM, IKM mengeluarkan seramai 32,146 orang pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran.

Di samping IKM, MARA juga menubuhkan Pusat Giat MARA (PGM) pada tahun 1986 untuk memberi latihan teknikal kepada masyarakat luar bandar. Latihan teknikal ini memberi peluang belia-belia setempat untuk meleburkan diri dalam usaha niaga atau bekerja di tempat sendiri tanpa berhijrah ke tempat lain. Setakat 1990, PGM telah berjaya melatih seramai 7,655 pelatih.

Sumbangan MARA kepada masyarakat Bumiputera melalui sistem IKM dan PGM ialah meramaikan pelatih-pelatih Bumiputera dalam bidang industri dan perdagangan. Belia-belia yang terlatih ini adalah tenaga kerja dalam sektor industri

negara. Bagaimanapun ada di kalangan mereka telah berjaya menjadi usahawan yang berjaya.

Pada tahun 1960-an, masyarakat Bumiputera dihantui dengan metos bahawa orang Melayu khususnya tidak dapat menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sains dan matematik. Justeru kerana kelemahan itu, Kongres Bumiputera telah mengamanahkan MARA untuk menyelesaikannya. Untuk menafikan metos itu, pada tahun 1972, MARA telah menu buhkan Maktab Rendah Sains MARA sebagai sekolah berasrama penuh. Sehingga 1990, terdapat 14 buah MRSM di seluruh negara. Dengan 14 buah MRSM di seluruh negara, maka MRSM berjaya mengeluarkan seramai 15,744 pelajar Bumiputera yang cemerlang dalam bidang akademik. MRSM membuktikan bahawa pelajaran sains dan matematik bukan milik kaum tertentu sahaja, sebaliknya setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk berjaya sekiranya mereka mendapat hak pembelajaran yang sempurna. Pencapaian 100% dalam peperiksaan SPM juga membuktikan yang MRSM adalah institusi pendidikan yang terunggul di negara ini.

Lepasan pelajar MRSM bukan setakat berjaya dalam bidang akademik tetapi juga berjaya dalam kehidupan. Kebanyakan pelajar MRSM menjadi tokoh korporat dan memperolehi pendapatan yang tinggi berbanding dengan keluarga mereka. Perbezaan pendapatan yang nyata antara pelajar MRSM dengan ibubapa mereka menunjukkan bahawa MARA telah berjaya menghapuskan kemiskinan melalui pendidikan.

Bahagian pelajaran komersil juga memainkan peranan membekal tenaga separa mahir dalam bidang teknologi maklumat dan dalam bidang perakaunan. Seramai 3,291 orang telah dikeluarkan oleh bahagian ini dan mereka semua merupakan tanaga kerja dalam bidang teknologi maklumat dan perakaunan.

Untuk membanyakkan tenaga profesional Melayu dan lulusan pengajian tinggi, MARA melalui Bahagian Penganjuran telah menaja anak-anak Bumiputera melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, dari tahun 1966 - 1990, seramai 44,055 pelajar telah ditaja oleh MARA dan seramai 29,636 pelajar tajaan MARA tamat pengajian mereka. Walaupun MARA gagal mencapai matlamat 30% kekayaan negara tetapi berjaya membuka peluang dan harapan untuk meningkatkan penglibatan orang Melayu dan masyarakat Bumiputera dalam bidang ekonomi dan pendidikan dalam tempoh penubuhannya, MARA telah berjaya meningkatkan mobiliti sosial di mana ramai anak Bumiputera memegang jawatan tinggi seperti akauntan, peguam, doktor, pentadbir, pengurus dan ahli profesional dalam pelbagai bidang, malahan ramai anak Bumiputera menjadi ahli perniagaan, usahawan dan ahli korporat kerana tolongan dan bantuan MARA. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa MARA adalah penyambung perjuangan nasionalis di zaman sebelum merdeka, semasa merdeka dan menjadi wadah pejuang nasional di masa depan untuk memertabatkan nasib bangsa.